

Bil. S 34

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah di bawah bab 83(3))

PERINTAH DARURAT (AKTA SYARIKAT-SYARIKAT) (PINDAAN), 1998

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut –

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Darurat (Akta Syarikat-Syarikat) (Pindaan), 1998. Gelaran.
2. Akta Syarikat-Syarikat adalah dipinda dengan memasukkan bab-bab baru yang berikut selepas bab 135 – Pindaan bab
135 dari
Penggal 39.

"Takrifan. 135A. Bagi maksud bab-bab 135A hingga 135N :

(1) "syarikat" termasuk mana-mana syarikat yang kena digulung di bawah Akta ini, mana-mana pertubuhan perbadanan dan mana-mana perkongsian atau persatuan di mana sahaja ditubuhkan ;

(2) "pertubuhan perbadanan" termasuk suatu syarikat yang diperbadankan di tempat lain selain dari di Negara Brunei Darussalam.

Lantikan
Pemeriksa.

135B. (1) Menteri Kewangan boleh, jika dia menganggapnya mustahak bagi kepentingan awam, melantik seorang pemeriksa atau lebih untuk menyiasat urusan suatu syarikat dan untuk melaporkan mengenainya mengikut cara sebagaimana yang mungkin diarahkan olehnya ;

(2) Pemeriksa-pemeriksa boleh dilantik di bawah ceraian (1) atas syarat-syarat bahawa sebarang laporan (atau mana-mana bahagiannya) yang mungkin mereka buat adalah bukan untuk diterbitkan.

Kuasa-kuasa
pemeriksa
dalam masa
penyiasatan.

135C. (1) Jika pemeriksa-pemeriksa yang dilantik di bawah bab 135B memikirkannya perlu untuk tujuan penyiasatan mereka juga menyiasat urusan syarikat lain atau Menteri Kewangan mengarahkan demikian, mereka mempunyai kuasa untuk berbuat demikian ; dan mereka hendaklah melaporkan mengenai urusan syarikat lain itu setakat mana mereka memikirkan bahawa hasil dari

penyiasatan mereka tentang urusan syarikat lain itu ada kena mengena dengan penyiasatan urusan syarikat yang disebutkan dalam bab 135B.

(2) Jika pemeriksa-pemeriksa yang dilantik di bawah bab 135B memikirkannya perlu untuk tujuan penyiasatan mereka juga menyiasat urusan mana-mana orang lain yang dianggap oleh pemeriksa-pemeriksa ada mempunyai urusan niaga dengan mana-mana syarikat yang disebutkan dalam bab-bab 135B atau 135C di atas, atau ada kaitan atau pernah mempunyai kaitan dengan mana-mana syarikat itu mengikut cara yang dianggap oleh pemeriksa-pemeriksa mewajarkan penyiasatan, atau jika Menteri Kewangan mengarahkan, mereka mempunyai kuasa untuk berbuat demikian ; dan mereka hendaklah melaporkan mengenai urusan orang itu setakat mana mereka memikirkkan bahawa hasil dari penyiasatan mereka tentang urusan orang itu ada kena mengena dengan penyiasatan urusan syarikat yang disebutkan dalam bab-bab 135B atau 135C.

Pengemukakan
dokumen dan
keterangan
kepada
pemeriksa.

135D. (1) Jika pemeriksa-pemeriksa dilantik di bawah bab 135B, adalah menjadi kewajipan setiap orang yang disebutkan dalam cerai (4) :

- (a) untuk mengemukakan kepada pemeriksa-pemeriksa semua dokumen atau semua dokumen berhubung dengan syarikat yang disebutkan dalam bab-bab 135B atau 135C(1) atau orang yang disebutkan dalam bab 135C(2) yang ada dalam milikan, jagaan atau kuasanya ;
- (b) untuk hadir di hadapan pemeriksa-pemeriksa apabila dikehendaki berbuat demikian ;
- (c) juga untuk memberi kepada pemeriksa-pemeriksa segala bantuan berhubung dengan penyiasatan tersebut yang dapat diberikannya dengan munasabah.

(2) Jika pemeriksa-pemeriksa menganggap bahawa mana-mana orang yang disebutkan dalam cerai (4) ada memiliki atau mungkin memiliki maklumat berhubung dengan sesuatu perkara yang mereka percayai ada kena mengena dengan penyiasatan tersebut, mereka boleh menghendakinya :

- (a) untuk mengemukakan kepada mereka sebarang dokumen yang ada dalam jagaan atau kuasanya berhubung dengan perkara itu ;
- (b) untuk hadir di hadapan mereka ; dan
- (c) juga untuk memberi kepada mereka segala bantuan berhubung dengan penyiasatan tersebut yang dapat diberikannya dengan munasabah,

dan adalah menjadi kewajipan orang itu untuk mematuhi kehendak tersebut.

(3) Seseorang pemeriksa boleh untuk tujuan penyiasatan tersebut memeriksa mana-mana orang dengan mengangkat sumpah, dan boleh mentadbirkan sumpah dengan sewajarnya.

(4) Orang-orang yang disebutkan di atas adalah :

- (a) mana-mana orang yang menjadi atau pernah menjadi pengarah, pengawal, pengurus, pekerja, ejen, jurubank, juru-audit, penasihat undang-undang, atau pemegang saham syarikat itu ;
- (b) mana-mana orang lain yang dianggap oleh pemeriksa-pemeriksa ada memiliki atau mungkin memiliki maklumat berhubung dengan sesuatu perkara yang pemeriksa-pemeriksa percayai ada kena mengena dengan penyiasatan tersebut.

(5) Sebarang jawapan yang diberikan oleh seseorang kepada sesuatu soalan yang diajukan kepadanya pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab ini boleh digunakan sebagai keterangan terhadapnya.

(6) Dalam bab ini dan bab 135K "dokumen-dokumen" termasuk :

- (a) apa-apa jua di mana sebarang jenis maklumat direkodkan dalam sebarang bentuk, sama ada dengan cara yang dapat difahami maksudnya atau boleh

difahami dengan menggunakan per-alatan ;

- (b) sebarang pangkalan data atau maklumat elektronik,

dan berhubung dengan maklumat yang direkodkan melainkan dalam bentuk yang mudah dibaca, kuasa untuk menghendaki pengemukaannya termasuk kuasa untuk menghendaki pengemukaan satu salinan maklumat dalam bentuk yang mudah dibaca.

**Menghalang
pemeriksa.**

135E. (1) Jika mana-mana orang :

- (a) gagal mematuhi kewajipannya di bawah bab 135D(1)(a) atau (c) ;
- (b) enggan mematuhi suatu kehendak di bawah bab 135D(1)(b) atau (2) ; atau
- (c) enggan menjawab sebarang soalan yang diajukan kepadanya oleh pemeriksa-pemeriksa untuk tujuan penyiasatan tersebut,

pemeriksa-pemeriksa boleh memperakui fakta itu secara bertulis kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh selepas itu menyiasat tentang perkara tersebut, dan boleh menghukum pesalah itu mengikut cara yang sama seolah-olah dia telah melakukan kesalahan kerana menghina Mahkamah.

**Laporan
Pemeriksa.**

135F. (1) Pemeriksa-pemeriksa hendaklah membuat laporan kepada Menteri Kewangan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri Kewangan.

(2) Sebarang laporan tersebut hendaklah ditulis atau dicetak, sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri Kewangan.

**Kuasa untuk
membawa
prosiding sivil
bagi pihak
syarikat.**

135G. (1) Jika dari sebarang laporan yang dibuat atau maklumat yang diperolehi di bawah bab-bab 149D, 135D atau 135F pada pendapat Menteri Kewangan bahawa sebarang prosiding sivil patut, bagi kepentingan awam, dibawa oleh mana-mana syarikat, dia sendiri boleh membawa prosiding itu atas nama dan bagi pihak syarikat itu.

(2) Menteri Kewangan hendaklah mempunyai kuasa untuk menanggung rugi syarikat itu dari sebarang

kos atau perbelanjaan yang dilakukannya berhubung dengan prosiding yang dibawa di bawah bab ini.

Perbelanjaan
menyiasat
urusan syarikat.

135H. (1) Perbelanjaan sesuatu penyiasatan di bawah sebarang kuasa yang diberikan oleh bab-bab 135B hingga 135F hendaklah dibayar terlebih dahulu oleh Menteri Kewangan, tetapi dia boleh mendapatkan balik perbelanjaan tersebut daripada orang-orang yang bertanggungjawab menurut bab ini. Maka hendaklah disifatkan sebagai perbelanjaan penyiasatan tersebut, khususnya, suatu jumlah wang yang berpatutan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri Kewangan berkaitan dengan kos kakitangan am dan perbelanjaan asas.

(2) Seseorang yang disabitkan kesalahan atas suatu pendakwaan yang dimulakan akibat dari penyiasatan tersebut, atau diperintahkan untuk membayar kesemua atau mana-mana bahagian dari kos prosiding yang dibawa di bawah bab 135G, boleh dalam prosiding yang sama diperintahkan untuk membayar perbelanjaan tersebut setakat mana yang mungkin dinyatakan dalam perintah itu.

(3) Suatu syarikat yang atas namanya prosiding dibawa di bawah bab 135G adalah bertanggungjawab berkaitan dengan sebarang kos atau perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan prosiding tersebut terhadap jumlah atau nilai sebarang jumlah wang atau harta yang didapatkan balik olehnya akibat dari prosiding tersebut; sebarang jumlah yang atasnya suatu syarikat bertanggungjawab di bawah cerai ini adalah pengenaan bayaran yang pertama ke atas jumlah wang atau harta yang didapatkan balik itu.

Bagi maksud-maksud bab ini, sebarang kos atau perbelanjaan yang dilakukan oleh Menteri Kewangan dalam atau berhubung dengan prosiding yang dibawa di bawah bab 135G akan disifatkan sebagai perbelanjaan penyiasatan yang menyebabkan prosiding tersebut.

Kuasa untuk
menyiasat
pemilikan
syarikat.

135I. Jika Menteri Kewangan melantik pemeriksa-pemeriksa di bawah bab 135B, pemeriksa-pemeriksa tersebut, boleh, jika diarahkan oleh Menteri Kewangan, menyiasat dan membuat laporan mengenai keahlian dalam mana-mana syarikat, dan juga berkenaan dengan syarikat itu, untuk tujuan menentukan orang-orang yang sebenarnya yang ada kepentingan atau pernah mempunyai kepentingan dari segi kewangan dalam kejayaan atau

kegagalan (sebenar atau pada zahirnya) syarikat itu atau mampu mengawal atau banyak mempengaruhi polisinya.

Peruntukan-peruntukan yang boleh dikenakan ke atas penyiasatan di bawah bab 135I.

135J. Bagi tujuan sesuatu penyiasatan di bawah bab 135I, bab-bab 135C hingga 135F adalah dikenakan dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang diperlukan bagi sebutan-sebutan kepada urusan syarikat itu atau kepada urusan mana-mana syarikat atau orang lain.

Memasuki dan mengelidih bangunan.

135K. (1) Mahkamah boleh mengeluarkan suatu waran di bawah bab ini jika berpuas hati atas maklumat dengan mengangkat sumpah yang diberikan oleh atau bagi pihak Menteri Kewangan, atau oleh seseorang yang dilantik atau diberi kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah bab-bab 135B dan 135C, bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa terdapat di mana-mana bangunan dokumen-dokumen yang pengemukaannya dikehendaki dan yang telah tidak dikemukakan bagi mematuhi kehendak tersebut.

(2) Mahkamah boleh juga mengeluarkan suatu waran di bawah bab ini jika berpuas hati atas maklumat dengan mengangkat sumpah yang diberikan oleh atau bagi pihak Menteri Kewangan, atau oleh seseorang yang dilantik atau diberi kuasa untuk menjalankan kuasa-kuasa di bawah bab-bab 135B dan 135C :

- (a) bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa suatu kesalahan telah dilakukan dan bahawa terdapat di mana-mana bangunan dokumen-dokumen berkenaan dengan sama ada kesalahan itu telah dilakukan ;
- (b) bahawa Menteri Kewangan, atau orang yang dilantik atau diberi kuasa itu, mempunyai kuasa untuk menghendaki pengemukaan dokumen-dokumen di bawah bab 135D ; dan
- (c) bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa jika pengemukaan dikehendaki dokumen-dokumen tersebut tidak akan dikemukakan tetapi akan dipindahkan dari bangunan itu, disembunyikan, diubah atau dimusnahkan.

{3} Suatu waran di bawah bab ini hendaklah memberi kuasa kepada seseorang pegawai polis :

- (a) untuk memasuki bangunan yang dinyatakan dalam maklumat itu, dengan menggunakan kekerasan yang diperlukan dengan munasabah bagi tujuan tersebut ;
- (b) untuk mengelidah bangunan itu dan mengambil milik sebarang dokumen yang ternyata merupakan dokumen-dokumen yang disebutkan dalam cerai-ceraian (1) dan (2), atau mengambil, berkenaan dengan sebarang dokumen tersebut, sebarang langkah lain yang ternyata diperlukan bagi memeliharanya atau mengelakkan dokumen-dokumen itu dari diganggu ;
- (c) untuk mengambil salinan-salinan sebarang dokumen tersebut ; dan
- (d) untuk menghendaki mana-mana orang yang dinamakan dalam waran itu supaya memberi penjelasan mengenainya atau untuk menyatakan di mana dokumen-dokumen itu dijumpai.

(4) Dalam hal jika suatu waran dikeluarkan di bawah cerai (2) jika Mahkamah berpuas hati atas maklumat dengan mengangkat sumpah bahawa terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa juga terdapat di bangunan itu dokumen-dokumen lain yang ada kena mengena dengan penyiasatan tersebut, waran itu hendaklah juga membenarkan supaya tindakan-tindakan yang disebutkan dalam cerai (3) diambil berhubung dengan dokumen-dokumen itu.

(5) Mana-mana orang yang dengan sengaja menghalang perjalanan sebarang hak yang diberikan oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah bab ini atau gagal tanpa sebab yang munasabah mematuhi sebarang kehendak yang dikenakan menurut cerai (3)(d) adalah melakukan kesalahan kerana menghina Mahkamah.

Hukuman kerana memberi maklumat palsu.	135L. Seseorang yang, dikatakan telah mematuhi suatu kehendak yang dikenakan di bawah bab 135D supaya memberi suatu penjelasan atau membuat suatu pernyataan, memberi atau membuat suatu penjelasan yang diketahuinya sebagai palsu dalam sesuatu butir mustahak atau dengan melulu memberi atau membuat suatu penjelasan atau pernyataan yang juga palsu, adalah melakukan kesalahan kerana menghina Mahkamah.
Pendedahan maklumat oleh Menteri Kewangan.	135M. Menteri Kewangan boleh, jika difikirkannya patut, membenarkan atau menghendaki seseorang pemeriksa yang dilantik di bawah bab 135B untuk mendedahkan sebarang maklumat kepada mana-mana orang untuk tujuan sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri Kewangan. 135N. (1) Jika dari sebarang laporan yang dibuat di bawah bab 135F pada pendapat pemeriksa-pemeriksa bahawa mana-mana orang telah melakukan sebarang kesalahan berkenaan dengan syarikat yang baginya dia bertanggung secara jenayah, pemeriksa-pemeriksa hendaklah merujuk perkara itu kepada Pendakwa Raya. (2) Jika sebarang perkara dirujuk kepada Pendakwa Raya di bawah bab ini jika dia menganggap bahawa kes itu adalah satu kes di mana suatu pendakwaan patut dimulakan dan, selanjutnya, bahawa adalah mustahak bagi kepentingan awam bahawa prosiding dalam pendakwaan itu sepatutnya dijalankan olehnya, dia hendaklah memulakan prosiding dengan sewajarnya."
Pindaan bab 149 dari Penggal 39.	3. Akta Syarikat-Syarikat adalah dipinda dengan memasukkan bab-bab baru yang berikut sejurus selepas bab 149 –
"Kuasa-kuasa Menteri Kewangan.	149A. Menteri Kewangan boleh, jika dia menganggapnya mustahak bagi kepentingan awam, memecat, menggantikan atau melantik pengarah-pengarah atau pengarah-pengarah tambahan bagi mana-mana syarikat dalam jumlah dan atas syarat-syarat yang dianggapnya mustahak bagi kepentingan awam.
Lantikan Pengurus Eksekutif.	149B. (1) Menteri Kewangan boleh, jika dia menganggapnya mustahak bagi kepentingan awam, melantik mana-mana orang untuk menjadi Pengurus Eksekutif bagi mana-mana syarikat. (2) Pengurus Eksekutif hendaklah dilantik bagi suatu tempoh permulaan (tidak melebihi dari 6 bulan)

sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Menteri Kewangan apabila lantikan tersebut dibuat.

(3) Menteri Kewangan boleh dari masa ke semasa menyambung lantikan Pengurus Eksekutif bagi suatu tempoh atau tempoh-tempoh sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Menteri Kewangan boleh :

- (a) pada bila-bila masa, memecat Pengurus Eksekutif ;
- (b) pada bila-bila masa, melantik orang lain sebagai tambahan kepada atau bagi menggantikan Pengurus Eksekutif yang sedia ada ;
- (c) membuat suatu peruntukan sebagaimana yang difikirkannya patut bagi ganjaran dan perlindungan Pengurus Eksekutif.

(5) Jika lantikan yang dibuat oleh Menteri Kewangan itu mempunyai kuatkuasa bahawa jawatan Pengurus Eksekutif akan dipegang oleh lebih daripada seorang, lantikan tersebut hendaklah mengisytiharkan sama ada sebarang perbuatan yang dikehendaki atau dibenarkan untuk dilakukan oleh Pengurus Eksekutif akan dilakukan oleh semua atau mana-mana satu daripada orang-orang yang pada masa itu memegang jawatan Pengurus Eksekutif.

Kesan lantikan
Pengurus
Eksekutif.

149C. (1) Apabila Pengurus Eksekutif dilantik :

- (a) sebarang petisyen bagi penggulangan syarikat itu atau bagi lantikan Pengurus Kehakiman hendaklah ditolak ; dan
- (b) mana-mana penerima atau pengurus semua atau mana-mana bahagian harta syarikat itu hendaklah mengosongkan jawatan apabila dikehendaki untuk berbuat demikian oleh Pengurus Eksekutif.

(2) Dalam tempoh Pengurus Eksekutif memegang jawatan :

- (a) tiada resolusi boleh diluluskan atau perintah dibuat bagi penggulungan syarikat itu ;
- (b) langkah-langkah tidak boleh diambil untuk menguatkuasakan sebarang jaminan ke atas harta syarikat itu, atau untuk memiliki semula barang-barang yang ada dalam milikan syarikat itu di bawah sebarang perjanjian sewa beli, perjanjian jualan bersyarat, perjanjian pajakan harta alih atau perjanjian pengekalan hakmilik, kecuali dengan persetujuan Pengurus Eksekutif ; dan
- (c) prosiding undang-undang lain (termasuk petisyen bagi perintah Pengurusan Kehakiman) dan pelaksanaan atau proses undang-undang lain tidak boleh dimulakan atau diteruskan, dan tahan-harta tidak boleh dikenakan, terhadap syarikat itu atau hartanya kecuali dengan persetujuan Pengurus Eksekutif dengan syarat bahawa Menteri Kewangan boleh pada bila-bila masa mengemukakan petisyen bagi perintah Pengurusan Kehakiman di bawah bab 149J.

(3) Dalam tempoh Pengurus Eksekutif memegang jawatan :

- (a) urusan, perniagaan dan harta syarikat itu hendaklah diurus oleh atau di bawah kawalan Pengurus Eksekutif ;
- (b) kuasa-kuasa pengarah untuk mengurus urusan, perniagaan dan harta syarikat itu hendaklah digantung ; dan
- (c) sebarang kuasa yang diberikan kepada syarikat itu atau pengarah-pengarah atau pegawai-pegawai atau pemegang-pemegang sahamnya, sama ada di bawah Akta ini atau oleh memorandum dan perkara-perkara syarikat ataupun sebaliknya, yang boleh dijalankan dengan cara yang akan mengganggu perjalanan oleh Pengurus Eksekutif akan

kuasa-kuasanya, adalah tidak boleh dijalankan kecuali dengan persetujuan Pengurus Eksekutif.

Kewajipan-
kewajipan
Pengurus
Eksekutif.

149D. (1) Pengurus Eksekutif hendaklah :

- (a) mengambil ke dalam jagaannya atau di bawah kawalannya harta (di mana sahaja harta itu terletak) yang syarikat itu berhak atau ternyata berhak ;
- (b) menyasat urusan, perniagaan dan harta syarikat itu ;
- (c) dengan seberapa segera yang boleh, melaporkan kepada Menteri Kewangan hasil dari penyasatannya mengikut cara sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Menteri Kewangan ;
- (d) dengan seberapa segera yang boleh, merumuskan dan mengemukakan kepada Menteri Kewangan cadangan-cadangannya bagi pengendalian di masa depan akan urusan, perniagaan dan harta syarikat itu ; dan
- (e) mengurus urusan, perniagaan dan harta syarikat itu.

(2) Cadangan-cadangan Pengurus Eksekutif boleh termasuk (tanpa menjejaskan keluasan makna ceraian yang disebutkan di atas) cadangan-cadangan bagi :

- (a) pemecatan Pengurus Eksekutif dan pengembalian syarikat itu kepada kawalan pengarah-pengarah ;
- (b) pemberian persetujuan di bawah bab 151 dari Akta ini bagi kompromi atau penyusunan di antara syarikat itu dan orang-orang yang disebutkan dalam bab itu ;
- (c) lantikan Pengurus Kehakiman menurut bab-bab 149H atau 149J ;
- (d) penggulungan syarikat itu.

Kuasa-kuasa
Pengurus
Eksekutif.

149E. (1) Pengurus Eksekutif mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang mungkin perlu :

- (a) bagi pengurusan urusan, perniagaan dan harta syarikat itu ; dan
- (b) bagi pelaksanaan kewajipan-kewajipannya sebagaimana yang dinyatakan dalam bab 149D.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna ceraiian (1), Pengurus Eksekutif mempunyai :

- (a) kuasa-kuasa yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Belas kepada Akta ini ; dan
- (b) kuasa untuk memecat mana-mana pengarah bagi syarikat itu dan untuk melantik mana-mana orang menjadi pengarah bagi syarikat itu.

(3) Seseorang yang berurusan dengan Pengurus Eksekutif dengan suci hati dan untuk nilai adalah tidak terlibat untuk menyiasat sama ada Pengurus Eksekutif bertindak di bawah kuasanya.

(4) Pengurus Eksekutif mempunyai kuasa untuk menjual sebarang harta syarikat itu yang tertakluk kepada jaminan, atas syarat-syarat (sama ada tentang pelupusan hasil jualan tersebut ataupun sebaliknya) sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(5) Pada menjalankan kuasa-kuasanya dan menunaikan kewajipan-kewajipannya Pengurus Eksekutif :

- (a) adalah dianggap bertindak sebagai ejen syarikat itu ;
- (b) tidaklah boleh diputuskan telah menerima-pakai sebarang kontrak (termasuk sebarang kontrak pekerjaan) kecuali jika dia menyatakan secara bertulis niatnya untuk berbuat demikian ; dan
- (c) tidaklah boleh menanggung liabiliti diri atas sebarang kontrak yang dibuat olehnya atau yang dia menyebabkan supaya syarikat itu membuatnya (kecuali setakat

mana kontrak itu memperuntukkan sebaliknya).

(6) Sebarang jumlah wang yang kena dibayar berkaitan dengan hutang atau liabiliti syarikat itu yang ditanggung semasa Pengurus Eksekutif memegang jawatan, di bawah kontrak-kontrak yang dibuat olehnya atau yang dia menyebabkan supaya syarikat itu membuatnya, atau kontrak-kontrak (termasuk kontrak-kontrak pekerjaan) yang diterima-pakai olehnya, hendaklah dikenakan bayarannya ke atas dan dibayar dari sebarang harta syarikat itu yang ada dalam jagaannya atau di bawah kawalannya pada masa itu, mengikut keutamaan semua liabiliti lain syarikat itu.

Kewajipan
untuk
berkerjasama
dengan
Pengurus
Eksekutif.

149F. (1) Jika Pengurus Eksekutif dilantik, adalah menjadi kewajipan setiap orang yang disebutkan dalam ceraiian yang berikutnya untuk :

- (a) memberi kepada Pengurus Eksekutif maklumat mengenai syarikat itu dan perkembangan, penubuhan, perniagaan, urusan atau hartanya sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengurus Eksekutif ;
- (b) mengiringi Pengurus Eksekutif pada masa dan tempat sebagaimana yang mungkin dikehendaki olehnya ;
- (c) juga memberi kepada Pengurus Eksekutif segala bantuan berhubung dengan pelaksanaan tugas-tugasnya atau perjalanan kuasa-kuasanya yang dengan munasabah dapat diberikan oleh mereka.

(2) Orang-orang yang disebutkan di atas adalah :

- (a) mana-mana orang yang menjadi atau pernah menjadi pengarah, pengawal, pengurus, pekerja, ejen, jurubank, juruaudit, penasihat undang-undang atau pemegang saham syarikat itu ;
- (b) mana-mana orang lain yang dianggap oleh Pengurus Eksekutif ada memiliki atau mungkin memiliki maklumat yang Pengurus Eksekutif percayai ada kena mengena dengan perjalanan sebarang kuasanya.

Kuasa-kuasa
penyiasatan
Pengurus
Eksekutif.

149G. (1) Pengurus Eksekutif boleh menghendaki supaya hadir di hadapannya mana-mana orang yang difikirkannya dapat memberi maklumat mengenai perkembangan, penubuhan, perniagaan, urusan niaga, urusan atau harta syarikat itu, atau sebarang maklumat lain yang Pengurus Eksekutif percayai ada kena mengena dengan perjalanan sebarang kuasanya.

(2) Pengurus Eksekutif boleh bagi tujuan melaksanakan tugas-tugasnya atau menjalankan sebarang kuasanya memeriksa mana-mana orang dengan mengangkat sumpah, dan boleh mentadbirkan sumpah dengan sewajarnya.

(3) Pengurus Eksekutif boleh menghendaki mana-mana orang yang disebutkan dalam bab 149F(2) supaya mengemukakan sebarang dokumen yang ada dalam milikannya atau di bawah kawalannya berhubung dengan syarikat itu atau sebarang perkara yang disebutkan dalam bab 149F(1)(a) ; dan "dokumen-dokumen" termasuk :

- (a) apa-apa jua di mana sebarang jenis maklumat direkodkan dalam sebarang bentuk, sama ada dengan cara yang dapat difahami maksudnya atau boleh difahami dengan menggunakan peralatan ;
- (b) sebarang pangkalan data atau maklumat elektronik,

dan berhubung dengan maklumat yang direkodkan melainkan dalam bentuk yang mudah dibaca, kuasa untuk menghendaki pengemukaannya termasuk kuasa untuk menghendaki pengemukaan satu salinan maklumat dalam bentuk yang mudah dibaca.

(4) Jika mana-mana orang –

- (a) gagal atau enggan mematuhi kewajibannya di bawah bab 149F(1)(a) atau (c) ;
- (b) gagal atau enggan mematuhi suatu kehendak Pengurus Eksekutif di bawah bab 149F(1)(b) atau bab ini ;
- (c) enggan menjawab sebarang soalan yang diajukan kepadanya oleh Pengurus Eksekutif,

Pengurus Eksekutif boleh memperakui fakta tersebut secara bertulis kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh :

- (i) menghukum pesalah tersebut mengikut cara yang sama seolah-olah dia telah melakukan kesalahan kerana menghina Mahkamah ; atau
- (ii) menyebabkan supaya suatu waran dikeluarkan kepada seseorang pegawai polis bagi penangkapan orang itu dan bagi perampasan dan penyerahan kepada Pengurus Eksekutif sebarang dokumen (sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 149G(3)) yang ada dalam milikan orang itu dan membenarkan seseorang yang ditangkap di bawah waran tersebut ditahan dalam kurungan sehingga dia hadir di hadapan Pengurus Eksekutif.

(5) Suatu lien atau hak lain untuk mengekalkan pemilikan sebarang dokumen (sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 149G(3)) syarikat itu tidak boleh dikuatkuasakan setakat mana penguatkuasaannya akan menafikan pemilikan sebarang dokumen oleh Pengurus Eksekutif.

Kuasa
Mahkamah
untuk membuat
perintah
Pengurusan
Kehakiman.

149H. (1) Tertakluk kepada bab ini, jika Mahkamah :

- (a) berpuas hati bahawa suatu syarikat menjadi atau mungkin menjadi tidak mampu membayar hutang-hutangnya yang kena dibayar, atau terbukti sehingga memuaskan hati Mahkamah bahawa nilai aset-aset syarikat itu adalah kurang dari amaun liabiliti-liabilitinya, dengan mengambil kira liabiliti-liabiliti kontingen dan prospektifnya ; dan
- (b) menganggap bahawa pembuatan suatu perintah Pengurusan Kehakiman di bawah bab ini mungkin mencapai satu tujuan atau lebih yang disebutkan dalam bab 149I,

Mahkamah boleh membuat suatu perintah Pengurusan Kehakiman berhubung dengan syarikat itu.

(2) Suatu perintah Pengurusan Kehakiman adalah perintah yang mengarahkan bahawa, dalam tempoh perintah itu berkuatkuasa, urusan, perniagaan dan harta syarikat itu hendaklah diurus oleh Pengurus Kehakiman yang dilantik bagi tujuan tersebut oleh Mahkamah.

(3) Mana-mana orang yang telah bertindak sebagai Pengurus Eksekutif syarikat itu yang berkaitan dengannya suatu perintah Pengurusan Kehakiman dipohonkan boleh dilantik menjadi Pengurus Kehakiman syarikat itu oleh Mahkamah.

Tujuan-tujuan perintah Pengurusan Kehakiman.

149I. (1) Tujuan-tujuan yang bagi pencapaiannya suatu perintah Pengurusan Kehakiman boleh dibuat atas suatu petisyen yang dikemukakan di bawah bab 149K adalah :

- (a) kewujudan syarikat itu, dan kesemua atau mana-mana bahagian dari perusahaannya, sebagai perniagaan yang sedang berjalan ;
- (b) pemberian persetujuan di bawah bab 151 dari Akta ini bagi kompromi atau penyusunan di antara syarikat itu dan mana-mana orang yang disebutkan dalam bab itu ;
- (c) penjualan yang lebih menguntungkan ke atas aset-aset syarikat itu daripada jika syarikat itu digulung,

dan perintah itu hendaklah menyatakan tujuan atau tujuan-tujuan ia dibuat.

Kuasa Menteri Kewangan untuk mengemukakan petisyen Pengurusan Kehakiman.

149J. (1) Menteri Kewangan boleh, jika dia menganggapnya mustahak bagi kepentingan awam, mengemukakan petisyen bagi suatu perintah Pengurusan Kehakiman berhubung dengan mana-mana syarikat.

(2) Mahkamah boleh membuat suatu perintah Pengurusan Kehakiman atas petisyen Menteri Kewangan dan melantik Pengurus Kehakiman jika Mahkamah berpuas hati bahawa adalah mustahak bagi kepentingan awam untuk berbuat demikian, dan Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, membuat suatu perintah Pengurusan

Kehakiman dengan serta-merta atau membuat perintah lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Tujuan-tujuan yang baginya suatu perintah Pengurusan Kehakiman boleh dibuat atas petisyen Menteri Kewangan adalah :

- (a) tujuan atau tujuan-tujuan bagi penggalakan kepentingan awam sebagaimana yang mungkin dinyatakan oleh Menteri Kewangan dalam petisyennya ;
- (b) semua atau mana-mana satu atau lebih dari tujuan-tujuan yang dinyatakan dalam bab 149I,

dan perintah itu hendaklah menyatakan tujuan atau tujuan-tujuan ia dibuat.

Permohonan
bagi perintah
Pengurusan
Kehakiman.

149K. (1) Permohonan kepada Mahkamah bagi suatu perintah Pengurusan Kehakiman menurut bab 149H hendaklah dengan petisyen yang dikemukakan sama ada oleh syarikat itu atau pengarah-pengarah, atau oleh pemiutang atau pemiutang-pemiutang (termasuk mana-mana pemiutang atau pemiutang-pemiutang kontingen atau prospektif).

(2) Jika petisyen bagi suatu perintah Pengurusan Kehakiman dikemukakan kepada Mahkamah di bawah bab ini :

- (a) notis petisyen itu hendaklah diberikan dengan serta-merta kepada Menteri Kewangan ;
- (b) notis petisyen itu hendaklah diberikan kepada orang-orang lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan ; dan
- (c) petisyen itu tidaklah boleh ditarik balik kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

(3) Setelah mendengar suatu petisyen yang dikemukakan di bawah bab ini, Mahkamah boleh (tertakluk kepada hak Menteri Kewangan untuk didengar) menolaknya, atau menangguhkan pendengaran tersebut secara bersyarat atau tanpa syarat, atau membuat suatu

perintah Pengurusan Kehakiman atau perintah lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kesan Perintah. 149L. (1) Setelah suatu perintah Pengurusan Kehakiman dibuat :

- (a) sebarang petisyen bagi penggulangan syarikat itu hendaklah ditolak ;
- (b) mana-mana Pengurus Eksekutif syarikat itu hendaklah mengosongkan jawatannya ; dan
- (c) Mahkamah boleh membuat suatu peruntukan sebagaimana yang difikirkannya patut bagi ganjaran dan perlindungan Pengurus Kehakiman.

(2) Dalam tempoh Pengurus Kehakiman memegang jawatan :

- (a) tiada resolusi boleh diluluskan atau perintah dibuat bagi penggulangan syarikat itu ;
- (b) langkah-langkah tidak boleh diambil untuk menguatkuasakan sebarang jaminan ke atas harta syarikat itu, atau untuk memiliki semula barang-barang yang ada dalam milikan syarikat itu di bawah sebarang perjanjian sewa beli, perjanjian jualan bersyarat, perjanjian pajakan harta alih atau perjanjian pengekalan hakmilik, kecuali dengan persetujuan Pengurus Kehakiman atau kebenaran Mahkamah ; dan
- (c) prosiding undang-undang lain dan pelaksanaan atau proses undang-undang lain tidak boleh dimulakan atau diteruskan, dan tahan-harta tidak boleh dikenakan, terhadap syarikat itu atau hartanya kecuali dengan persetujuan Pengurus Kehakiman.

(3) Dalam tempoh Pengurus Kehakiman memegang jawatan :

- (a) urusan, perniagaan dan harta syarikat itu hendaklah diurus oleh Pengurus Kehakiman ;

- (b) kuasa-kuasa pengarah untuk mengurus urusan, perniagaan dan harta syarikat itu hendaklah digantung ; dan
- (c) sebarang kuasa yang diberikan kepada syarikat itu atau pengarah-pengarah atau pegawai-pegawai atau pemegang-pemegang sahamnya, sama ada di bawah Akta ini atau oleh memorandum dan perkara-perkara syarikat ataupun sebaliknya, yang boleh dijalankan dengan cara yang akan mengganggu perjalanan oleh Pengurus Kehakiman akan kuasa-kuasanya, adalah tidak boleh dijalankan kecuali dengan persetujuan Pengurus Kehakiman.

Kuasa-kuasa
Pengurus
Kehakiman.

149M. (1) Pengurus Kehakiman mempunyai kuasa untuk melakukan semua perkara yang mungkin perlu :

- (a) bagi pengurusan urusan, perniagaan dan harta syarikat itu ; dan
- (b) bagi pencapaian satu tujuan atau lebih yang baginya perintah Pengurusan Kehakiman itu dibuat.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan makna cerai (1), Pengurus Kehakiman :

- (a) mempunyai kuasa-kuasa yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga Belas kepada Akta ini ;
- (b) mempunyai kuasa untuk memecat mana-mana pengarah syarikat itu dan melantik mana-mana orang untuk menjadi pengarah syarikat itu.

(3) Pada menjalankan kuasa-kuasanya dan menunaikan kewajipan-kewajipannya Pengurus Kehakiman :

- (a) adalah dianggap bertindak sebagai ejen syarikat itu ;
- (b) tidaklah boleh diputuskan telah menerima-pakai sebarang kontrak (termasuk sebarang kontrak pekerjaan)

kecuali jika dia menyatakan secara bertulis niatnya untuk berbuat demikian ; dan

- (c) tidaklah boleh menanggung liabiliti diri atas sebarang kontrak yang dibuat olehnya atau yang dia menyebabkan supaya syarikat itu membuatnya (kecuali setakat mana kontrak itu memper-
untukkan sebaliknya).

[4] Sebarang jumlah wang yang kena dibayar berkaitan dengan hutang atau liabiliti syarikat itu yang ditanggung semasa Pengurus Kehakiman memegang jawatan, di bawah kontrak-kontrak yang dibuat olehnya atau yang dia menyebabkan supaya syarikat itu membuatnya, atau kontrak-kontrak (termasuk kontrak-kontrak pekerjaan) yang diterima-pakai olehnya, hendaklah dikenakan bayarannya ke atas dan dibayar dari sebarang harta syarikat itu yang ada dalam jagaannya atau di bawah kawalannya pada masa itu, mengikut keutamaan semua liabiliti lain syarikat itu kecuali liabiliti-liabiliti, jika ada, yang disebutkan dalam bab 149E(6).

Kewajipan
untuk
berkerjasama
dengan
Pengurus
Kehakiman.

149N. (1) Jika Pengurus Kehakiman dilantik, adalah menjadi kewajipan setiap orang yang disebutkan dalam ceraian yang berikutnya untuk :

- (a) memberi kepada Pengurus Kehakiman maklumat mengenai syarikat itu atau perkembangan, penubuhan, perniagaan, urusan niaga, urusan atau hartanya sebagaimana yang mungkin dikehendaki oleh Pengurus Kehakiman ;
- (b) mengemukakan kepada Pengurus Kehakiman sebarang dokumen yang ada dalam milikannya atau di bawah kawalannya berhubung dengan syarikat itu atau perkembangan, penubuhan, perniagaan, urusan niaga, urusan atau hartanya ; dan "dokumen-dokumen" termasuk :
- (i) apa-apa jua di mana sebarang jenis maklumat direkodkan dalam sebarang bentuk, sama ada dengan cara yang dapat difahami

maksudnya atau boleh difahami dengan menggunakan peralatan ;

- (ii) sebarang pangkalan data atau maklumat elektronik,

dan berhubung dengan maklumat yang direkodkan melainkan dalam bentuk yang mudah dibaca, kuasa untuk menghendaki pengemukaannya termasuk kuasa untuk menghendaki pengemukaan satu salinan maklumat dalam bentuk yang mudah dibaca.

- (c) mengiringi Pengurus Kehakiman pada masa dan tempat sebagaimana yang mungkin dikehendaki olehnya ;
- (d) juga memberi kepada Pengurus Kehakiman segala bantuan berhubung dengan pelaksanaan tugas-tugasnya atau perjalanan kuasa-kuasanya yang dengan munasabah dapat diberikan oleh mereka.

(2) Orang-orang yang disebutkan di atas adalah :

- (a) mana-mana orang yang menjadi atau pernah menjadi pengarah, pengawal, pengurus, pekerja, ejen, jurubank, juruaudit, penasihat undang-undang atau pemegang saham syarikat itu ;
- (b) mana-mana orang lain yang dianggap oleh Pengurus Kehakiman ada memiliki atau mungkin memiliki maklumat yang Pengurus Kehakiman percayai ada kena mengena dengan perjalanan sebarang kuasanya.

Kuasa-kuasa
Am.

149O. (1) Pengurus Kehakiman boleh memohon kepada Mahkamah bagi arahan yang berhubung dengan sebarang perkara tertentu yang timbul berkaitan dengan perjalanan tugas-tugasnya.

(2) Seseorang yang berurusan dengan Pengurus Kehakiman dengan suci hati dan untuk nilai adalah tidak terlibat untuk menyiasat sama ada Pengurus Kehakiman bertindak di bawah kuasanya.

(3) Pengurus Kehakiman mempunyai kuasa untuk menjual sebarang harta syarikat itu yang tertakluk

kepada jaminan, atas syarat-syarat (sama ada tentang pelupusan hasil jualan tersebut ataupun sebaliknya) sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

**Kewajipan-
kewajipan
Pengurus
Kehakiman.**

149P. Pengurus Kehakiman hendaklah, setelah dia dilantik, mengambil ke dalam jagaannya atau di bawah kawalannya semua harta (di mana sahaja harta itu terletak) yang syarikat itu berhak atau ternyata berhak dan hendaklah, tertakluk kepada Akta ini, mengurus urusan, perniagaan dan harta syarikat itu.

**Pelaksanaan
atau
pengubahan
perintah
Pengurusan
Kehakiman.**

149Q. (1) Pengurus Kehakiman boleh pada bila-bila masa memohon kepada Mahkamah bagi perintah Pengurusan Kehakiman dilaksanakan, atau diubah untuk menyatakan tujuan tambahan.

(2) Pengurus Kehakiman hendaklah membuat suatu permohonan di bawah bab ini jika pada pendapatnya bahawa tujuan atau setiap tujuan yang dinyatakan dalam perintah itu sama ada telah dicapai atau tidak dapat dicapai.

(3) Setelah mendengar suatu permohonan di bawah bab ini, Mahkamah boleh dengan perintah melaksanakan atau mengubah perintah Pengurusan Kehakiman dan membuat peruntukan berbangkit sebagaimana yang difikirkannya patut.

**Pengosongan
Jawatan.**

149R. (1) Pengurus Kehakiman suatu syarikat boleh pada bila-bila masa dipecat dari jawatan dengan perintah Mahkamah dan hendaklah berhenti memegang jawatan dalam hal keadaan lain sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(2) Pengurus Kehakiman hendaklah mengosongkan jawatan jika perintah Pengurusan Kehakiman dilaksanakan.

**Pelepasan
Pengurus
Kehakiman.**

149S. (1) Seseorang yang telah berhenti menjadi Pengurus Kehakiman suatu syarikat mendapat pelepasannya dalam hal keadaan sebagaimana yang mungkin ditetapkan.

(2) Jika seseorang mendapat pelepasannya di bawah bab ini, dia adalah dilepaskan dari semua liabiliti berkaitan dengan perbuatan-perbuatan atau peninggalan-peninggalannya dalam Pengurusan Kehakiman dan juga berhubung dengan kelakuannya sebagai Pengurus Kehakiman.

Penyata urusan
hendaklah
dikemukakan
kepada
Pengurus
Kehakiman.

149T. (1) Jika suatu perintah Pengurusan Kehakiman telah dibuat, Pengurus Kehakiman hendaklah dengan serta-merta menghendaki seseorang atau semua orang yang disebutkan di bawah supaya membuat dan mengemukakan kepadanya dalam masa sebagaimana yang mungkin dikehendakinya suatu penyata dalam bentuk sebagaimana yang mungkin dikehendakinya tentang urusan syarikat itu.

(2) Orang-orang yang disebutkan dalam ceraian (1) adalah :

- (a) mana-mana orang yang menjadi atau pernah menjadi pengarah, pengawal, pengurus, pekerja, ejen, jurubank, juruaudit, penasihat undang-undang atau pemegang saham syarikat itu ;
- (b) mana-mana orang lain yang dianggap oleh Pengurus Kehakiman ada memiliki atau mungkin memiliki maklumat yang Pengurus Kehakiman percayai ada kena mengena dengan perjalanan sebarang kuasanya.

Akibat-akibat
gagal
mematuhi.

149U. (1) Jika mana-mana orang gagal atau enggan mematuhi kewajipannya di bawah bab 149N atau suatu kehendak Pengurus Kehakiman di bawah bab 149T, Pengurus Kehakiman boleh memperakui fakta tersebut secara bertulis kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh :

- (i) menghukum pesalah tersebut mengikut cara yang sama seolah-olah dia telah melakukan kesalahan kerana menghina Mahkamah ; atau
- (ii) menyebabkan supaya suatu waran dikeluarkan kepada seseorang pegawai polis bagi penangkapan orang itu dan bagi perampasan dan penyerahan kepada Pengurus Kehakiman sebarang dokumen (sebagaimana yang ditakrifkan dalam bab 149G(3)) yang ada dalam milikan orang itu dan membenarkan seseorang yang ditangkap di bawah waran tersebut ditahan dalam kurungan

sehingga dia hadir di hadapan
Pengurus Kehakiman.

(2) Suatu lien atau hak lain untuk mengekalkan
pemilikan sebarang dokumen (sebagaimana yang
ditakrifkan dalam bab 149G(3)) syarikat itu tidak boleh
dikuatkuasakan setakat mana penguatkuasaannya akan
menafikan pemilikan sebarang dokumen oleh Pengurus
Kehakiman.”.

Pindaan bab
164 dari
Penggai 39.

4. Bab 164 dari Akta Syarikat-Syarikat adalah dipinda dengan me-
masukkan ceraian baru yang berikut sejurus selepas ceraian (3) –

“(4) Petisyen penggulangan boleh dikemukakan
oleh Menteri Kewangan dalam hal yang termasuk di bawah
bab 164A di bawah ini.”.

Pemasukan bab
164A yang baru.

5. Akta Syarikat-Syarikat adalah dipinda dengan memasukkan bab baru
yang berikut sejurus selepas bab 164 –

“Kuasa Menteri
Kewangan
untuk
mengemukakan
petisyen
penggulangan.

164A. (1) Jika dalam hal suatu syarikat yang kena
digulung di bawah Akta ini pada pendapat Menteri
Kewangan dari :

- (a) sebarang laporan yang dibuat oleh
pemeriksa-pemeriksa atau Pengurus-
Pengurus Eksekutif di bawah bab 135F
atau 149D(1)(c) ; atau
- (b) sebarang maklumat atau dokumen yang
diperolehi oleh pemeriksa-pemeriksa
yang dilantik di bawah bab 135B ; atau
- (c) sebarang maklumat lain tidak kira
bagaimana jua pun diperolehi yang
sampai keperhatiannya,

bahawa adalah mustahak bagi kepentingan awam supaya
syarikat itu patut digulung, dia boleh mengemukakan
petisyen bagi penggulangannya jika Mahkamah me-
mikirkannya adil dan saksama bagi syarikat itu digulung.

(2) Bab ini tidak dikenakan jika syarikat itu sudah
digulung oleh Mahkamah.”.

6. Akta Syarikat-Syarikat adalah dipinda dengan menambah Jadual baru yang berikut –

“JADUAL KETIGA BELAS

**KUASA-KUASA PENGURUS EKSEKUTIF DAN
PENGURUS KEHAKIMAN**

1. Kuasa untuk mengambil milik, mengambil dan mengumpulkan harta syarikat itu dan, untuk tujuan tersebut, mengambil prosiding sebagaimana yang mungkin difikirkannya mustahak.
2. Kuasa untuk menjual ataupun sebaliknya melupuskan harta syarikat itu dengan lelongan awam atau kontrak persendirian.
3. Kuasa untuk mendapatkan atau meminjam wang dan memberi jaminan atas harta syarikat itu.
4. Kuasa untuk melantik seorang peguamcara atau akauntan atau orang lain yang mempunyai kelayakan profesional di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain untuk membantunya dalam pelaksanaan tugas-tugasnya.
5. Kuasa untuk membawa atau membela sebarang tindakan atau prosiding undang-undang lain (termasuk prosiding yang bermaksud untuk meminta bantuan Mahkamah di luar Negara Brunei Darussalam) di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain atas nama dan bagi pihak syarikat itu atau atas namanya sendiri.
6. Kuasa untuk merujuk kepada timbangtara sebarang perkara yang menjejaskan syarikat itu.
7. Kuasa untuk membuat dan mengekalkan insurans berkaitan dengan perniagaan dan harta syarikat itu.
8. Kuasa untuk menggunakan meterai syarikat itu.
9. Kuasa untuk melakukan segala perbuatan dan melaksanakan atas nama dan bagi pihak syarikat itu sebarang suratikatan, resit atau dokumen lain.
10. Kuasa untuk mengeluarkan, menerima, membuat dan mengindors sebarang bil pertukaran atau nota janji hutang atas nama dan bagi pihak syarikat itu.

11. Kuasa untuk melantik mana-mana ejen untuk melakukan sebarang perniagaan yang tidak mampu dilakukannya sendiri atau yang dapat dilakukan dengan lebih mudah oleh seorang ejen dan kuasa untuk menggaji dan membuang pekerja-pekerja.
12. Kuasa untuk melakukan segala perkara (termasuk pelaksanaan kerja) yang mungkin perlu atau mustahak bagi perlindungan, pemeliharaan, atau penghasilan harta syarikat itu di mana sahaja terletak.
13. Kuasa untuk membuat sebarang pembayaran yang perlu atau berhubungan dengan pelaksanaan tugas-tugasnya.
14. Kuasa untuk menjalankan perniagaan syarikat itu.
15. Kuasa untuk menubuhkan anak syarikat bagi syarikat itu.
16. Kuasa untuk memindahkan kepada anak syarikat bagi syarikat itu kesemua atau mana-mana bahagian perniagaan dan harta syarikat itu.
17. Kuasa untuk memberi atau menerima penyerahan pajakan atau penyewaan sebarang harta syarikat itu, dan untuk mengambil pajakan atau penyewaan sebarang harta yang dikehendaki atau sesuai bagi perniagaan syarikat itu.
18. Kuasa untuk membuat sebarang penyusunan atau kompromi bagi pihak syarikat itu.
19. Kuasa untuk menghendaki pembayaran sebarang modal syarikat itu yang belum dijelaskan.
20. Kuasa untuk menyusun dan membuat tuntutan dalam ke-bankrapan, ketidakmampuan membayar, sekuestrasi atau penyelesaian hutang piutang bagi mana-mana orang yang berhutang dengan syarikat itu dan untuk menerima dividen, dan untuk menyertai surat ikatan amanah bagi pemiutang-pemiutang mana-mana orang itu.
21. Kuasa untuk mengemukakan atau membela petisyen bagi penggulungan syarikat itu.
22. Kuasa untuk mengubah kedudukan pejabat berdaftar bagi syarikat itu.
23. Kuasa untuk melakukan semua perkara lain yang berhubungan dengan perjalanan kuasa-kuasa yang disebutkan di atas."

Diperbuat pada hari ini 28 haribulan Rabiulawal Tahun Hijrah 1419 bersamaan dengan 22 haribulan Julai, Tahun Masihi 1998, di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM